

20 APR 1998
Mahathir-Gas

DR MAHATHIR DAN PM THAILAND AKAN SAKSIKAN PERJANJIAN BELI GAS

PULAU PINANG, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Leekpai akan menyaksikan upacara menandatangani dua perjanjian untuk membeli gas asli dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), di Songkla Rabu ini.

Majlis itu dijangka diadakan di Taman Prem Tinsulanond, kata Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MTJA Dr Songpope Polachan hari ini.

Perjanjian itu akan ditandatangani oleh penjual -- MTJA dan pembeli - Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT), katanya kepada Bernama semasa dihubungi dari Kuala Lumpur.

Perjanjian pertama melibatkan pembelian gas asli bagi tempoh 20 tahun sebanyak 390 juta kaki padu sehari dari Blok B-18, katanya.

Gas asli dari kawasan itu dijangka akan mula dikeluarkan pada separuh pertama tahun 2001.

Perjanjian kedua ialah bagi membeli 250 juta kaki padu sehari gas asli selama 16 tahun dari Blok B-17 dan C-19, yang dijangka mula dikeluarkan pada suku ketiga tahun 2002.

Kontraktor bagi Blok B-18 ialah Triton Oil Company dan Petronas Carigali, manakala PTT Exploration and Production, sebuah anak syarikat PTT, ialah kontraktor bagi Blok B-17 dan C-19.

Dr Mahathir dijangka akan mengadakan perbincangan dengan Chuan sebelum berlepas pulang.

Sementara itu menurut Wisma Putra dalam satu kenyataan, Dr Mahathir akan diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa pegawai kanan kerajaan dalam lawatan kerja sehari itu.

Selain menyaksikan penandatanganan perjanjian itu, Dr Mahathir dan Chuan akan turut membincangkan isu-isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Ini merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Thailand tahun ini selepas lawatan kerja dua hari ke Bangkok pada 5 dan 6 Feb.

Kali terakhir Dr Mahathir dan Chuan bertemu ialah semasa Mesyuarat Kedua Asia-Eropah (Asem) di London pada 3 dan 4 April.

-- BERNAMA

AFY RON